

NADWAH KEPEMIMPINAN ISLAM SEKOLAH-SEKOLAH (NKISS) PERINGKAT W.P. LABUAN TAHUN 2024 : MEMBINA KARAMAH INSANIAH PEMIMPIN MUDA



**Mohd Nizam menyampaikan ucapan dalam Majlis Perasmian
Penutupan NKISS 2024**

LABUAN: Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-sekolah (NKISS) Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat W.P.Labuan diadakan dengan jayanya bermula 10 hingga 11 Mei 2024 di Bilik Benua Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP)

Nadwah Kepemimpinan Islam merupakan kesinambungannya bagi melahirkan saf kepemimpinan pelajar yang berketerampilan

selari dengan tuntutan Islam bahawa kepimpinan adalah amanah Allah S.W.T.

NKISS dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada para peserta dengan ilmu, kemahiran dan gaya kepemimpinan wasatiyyah agar mampu menguruskan keperluan dan cabaran persekitaran semasa berlandaskan kepemimpinan Rasulullah S.A.W.

Seramai 40 peserta daripada semua sekolah menengah menyertai NKISS yang diselenggarakan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan. Antara pengisian program bermula ialah perkongsian ilmu bertajuk “Adab Sebelum Ilmu” yang disampaikan oleh ustaz Muhd Zhulfikar Muhamad Jifri manakala ceramah kedua bertajuk “Pemuda Hari Ini, Pemimpin Masa Hadapan” yang disampaikan oleh ustaz Ahmad Fariz Mohd Zaini.

Taklimat keselamatan dan tatacara program telah disampaikan oleh kem komander ustaz Muhd Hanis Mohd Jol. Manakala *Ice breaking* diselenggarakan oleh ustaz Muhammad Izzuddin Mahamad Nazeri. Para peserta turut berpeluang mempersembahkan bakat dalam pengucapan awam dalam slot Inspirasi Madani dengan bimbingan jurulatih-jurulatih Nadwah.

Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Perancangan, Noraini binti Sahbudin, wakil rasmi Pengarah Pendidikan JPWPL. Dalam ucapannya beliau turut mengingatkan para peserta agar mengutip sebanyak mungkin pengalaman yang dipelajari dan dikongsikan bersama rakan-rakan di sekolah kelak.

“Anda adalah golongan pemangkin

kepada kecemerlangan dan keutuhan ummah. Ummah sesebuah tamadun akan goncang jika jiwa anak-anak muda gersang dari nilai Islam dan modal insan yang sepatutnya” ujanya.

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Mohd Nizam Yassim turut mengingatkan para peserta agar terus belajar menjadi pemimpin yang baik dan berakhlak mulia.

“Nikmat seorang guru apabila melihat anak muridnya lebih berjaya daripada dirinya sendiri. Guru tiada perasaan iri hati terhadap kejayaan anak murid. Tugas guru adalah memastikan kemenjadian anak murid”, ujanya lagi.

Turut hadir dalam NKISS ialah Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Kamariah Salim, Penolong Pengarah Unit Adab dan Nilai, SPI ustaz Syahnon Othman, Ketua

bidang Kemanusiaan SMK Labuan Lihah Amat, Ketua Panitia daripada semua sekolah menengah dan jurulatih dakwah negeri.



Noraini Sahbudin, wakil rasmi Pengarah Pendidikan merasmikan Majlis Penutupan NKISS peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2024



Peserta terbaik lelaki menerima Sijil Penghargaan daripada Noraini.



Barisan Jurulatih Dakwah Negeri dan urus setia NKISS merakamkan gambar kenangan.



Peserta Nadwah bersama barisan Jurulatih dan urus setia merakamkan gambar kenangan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN W.P. LABUAN

ندوة كقيمقين إسلام سکوله ۲
NADWAH KEPEMIMPINAN ISLAM
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2024

Dikelolakan Oleh : SMK Labuan

TARIKH : 10 - 11 MEI 2024
MASA : 8.00 PAGI - 5 PETANG
TEMPAT : BILIK BENUA, SEKTOR SUMBER
DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

Perasmian Penutupan Oleh :
Tuan Haji Abidin bin Marjan
Pegarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

**MALAYSIA
MADANI**